

Pendidikan dan Bahasa dalam Hubungan Etnik

Oleh JENIRI AMIR

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dinyatakan dalam pendahuluan Akta Pelajaran 1961, iaitu untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan negara. Sebenarnya, langkah perintis ke arah menyemai dan memupuk perpaduan sosial dalam kalangan kanak-kanak, melalui sistem pendidikan, tercermin melalui Laporan Barnes 1950.

Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan dalam Perlembagaan 152 Perlembagaan Malaysia, hasil permuafakatan perlembagaan oleh pemimpin menjelang kemerdekaan negara. Meskipun demikian, perkembangan dan penggunaan bahasa ibunda tidak terjejas kerana turut dijamin di bawah perlembagaan.

Di bawah Perlembagaan Malaysia, tidak ada sesiapa pun boleh dilarang atau ditahan daripada menggunakan atau mengajarkan bahasa lain, selain untuk tujuan atau maksud rasmi. Sebagai *lingua franca* di Nusantara sejak berkurun-kurun lamanya, bahasa ini sudah merakyat dalam kalangan penduduk di rantau ini kerana mudah dipelajari dan dikuasai. Lagipun, sistem ejaan, istilah dan sebutannya lebih tekal berbanding dengan bahasa lain. Kini, bahasa Melayu merupakan antara sembilan bahasa di dunia yang dituturkan oleh lebih daripada 300 juta penutur, selain



Usaha menyemai dan memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan perlu dimulai dari sekolah rendah atau taman didikan kanak-kanak.

bahasa Mandarin, Sepanyol, Inggeris, Bengali, Hindi, Portugis, Rusia dan Jepun.

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dinyatakan dalam pendahuluan Akta Pelajaran 1961, iaitu untuk menyatupadukan kanak-kanak sekolah berbilang kaum dan menyediakan tenaga kerja bagi memenuhi keperluan negara. Sebenarnya, langkah perintis ke arah menyemai dan

memupuk perpaduan sosial dalam kalangan kanak-kanak, melalui sistem pendidikan, tercermin melalui Laporan Barnes 1950. Laporan Barnes mencadangkan dua sistem persekolahan pada peringkat sekolah rendah, iaitu sekolah Melayu dan sekolah Inggeris, yang mencerminkan jati diri kebangsaan.

Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris akan digunakan sebagai

bahasa pengantar di sekolah rendah, manakala di sekolah menengah dicadangkan hanya bahasa Inggeris digunakan. Sekolah Cina dan sekolah Tamil dicadangkan secara berperingkat-peringkat, namun kedua-dua bahasa berkenaan akan diajarkan sebagai satu mata pelajaran di sekolah kebangsaan. Kini, dengan perubahan masa, bahasa Tamil dan bahasa Mandarin turut diperkenalkan di sekolah kebangsaan dengan keyakinan bahawa penting juga untuk pelajar yang berminat mempelajari bahasa itu bagi memudahkan mereka berinteraksi dengan kaum terbabit. Lagipun, kini bahasa Mandarin menjadi penting ekoran kebangkitan negara China sebagai harimau baharu ekonomi dunia.

Kemudiannya, Ordinan Pelajaran 1952 menjadikan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu bagi mengurangkan jurang perbezaan yang wujud pada ketika itu. Namun begitu, masyarakat Melayu, dipelopori Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung, melancarkan tentangan terhadap Ordinan Pelajaran 1952. Kesatuan itu meminta agar sekolah Melayu dinaik taraf dengan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, selain taraf guru sekolah Melayu ditingkatkan.

Laporan Razak 1956 membenarkan penerusan sekolah Cina dan Tamil, dan memberikan penekanan kepada perpaduan negara sebagai matlamat utama. Laporan Razak 1956 menyatakan bahawa "kami percaya, tujuan dasar pelajaran dalam negeri ini

bermaksud hendak menyatukan budak-budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan memakai satu peraturan pelajaran yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur-ansur." Sejak itu, Dasar Pelajaran Kebangsaan sentiasa menekankan matlamat perpaduan kaum.

Laporan Rahman Talib yang diiluluskan sebagai Akta Pelajaran 1961, dalam usaha mencapai matlamat mencapai perpaduan, mengesyorkan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sahaja dalam semua peperiksaan awam. Sesudah teretusnya peristiwa 13 Mei 1969, langkah untuk menyatupadukan rakyat semakin diperhebat. Pada tahun 1974, Jawatankuasa Kabinet di bawah Menteri Pelajaran antara lain mengesyorkan bahasa Melayu diwajibkan dalam semua peperiksaan.

Usaha menyemai dan memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan perlu dimulai dari sekolah rendah atau taman didikan kanak-kanak. Hal ini semakin penting kerana negara ini tidak mempunyai alat komunikasi yang sama untuk berinteraksi menjelang kemerdekaan negara. Peranan bahasa Melayu dalam perdagangan dan pentadbiran kian merosot ketika kekuasaan penjajah British menjadi lebih mantap di Persekutuan Tanah Melayu. Dengan berkembangnya pendidikan Inggeris dan dasar British menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi, maka

kesan kemudiannya semakin menyerlah. Persekutuan Tanah Melayu berdepan dengan krisis bahasa dalam dekad pertama sesudah mencapai kemerdekaan.

Sesungguhnya, dasar dan sistem pendidikan dapat dianggap sebagai satu daripada alat terpenting dan berkesan untuk menyemai dan memupuk semangat kebangsaan dan kecintaan terhadap bangsa dan negara, membina jati diri dan mengeratkan perpaduan dalam kalangan pelajar daripada pelbagai latar belakang kaum, agama dan budaya di negara ini. Daripada sekian banyak strategi, satu daripada strategi utama untuk mencapai matlamat tersebut ialah strategi menjadikan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan dan pendidikan. Dalam hubungan ini, Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi tunggal memungkinkan objektif Dasar Pelajaran Kebangsaan hendak menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal dalam sistem persekolahan dikuatkuasakan.

Dari segi politik, akta berkenaan dapat disifatkan sebagai kemenangan bagi prinsip tolak ansur. Penggunaan bahasa itu dalam sistem pendidikan memperlihatkan pemahaman mendalam oleh pihak pemimpin terdahulu tentang peranan bahasa peribumi yang sudah digunakan secara meluas di rantau ini dalam membina masyarakat yang bersatu padu dan memiliki jati diri. Sebagai agenda nasional, kejayaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah menyaksikan pelbagai pihak

berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan kejayaan misi dan kepentingan nasional itu. Interaksi sosial tentu sukar berlaku jika anggota masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum dan bahasa tidak saling memahami bahasa masing-masing.

Dalam keadaan demikian, memang penting untuk mereka menguasai dan memahami bahasa kebangsaan. Seperti di negara lain, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi selalunya dijadikan sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan. Penduduk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik tidak seharusnya dipisahkan oleh bahasa. Bahasa tidak patut menjadi tembok penghalang yang membolehkan mereka berkomunikasi dan berinteraksi. Sebagai ejen kemasyarakatan, sekolah memainkan peranan penting dalam menyemai dan memupuk perpaduan melalui bahasa kebangsaan.

Untuk mencapai matlamat perpaduan kaum melalui pendidikan, langkah konkrit diambil dengan menukarkan bahasa pengantar sekolah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu mulai tahun 1970 dan langkah itu selesai pada tahun 1984. Maksudnya, pelajar mempelajari mata pelajaran dalam bahasa Melayu dari sekolah rendah hingga pusat pengajian tinggi. Rancangan Malaysia Ketiga mencatatkan objektif untuk mencapai perpaduan, iaitu "... pemantapan sistem pendidikan negara untuk integrasi dan perpaduan kebangsaan melalui -meneruskan pelaksanaan bahasa Malaysia dengan berperingkat-peringkat sebagai bahasa

pengantar utama di semua peringkat."

Dalam zaman pembinaan negara, misi raksasa pemimpin dan rakyat ialah usaha mendaulatkan bahasa Melayu dan membinanya sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa persekolahan dan bahasa budaya tinggi yang mampu mendukung pengucapan struktur pemikiran moden dan canggih.

Dalam tempoh lebih kurang empat dasawarsa, bahasa Melayu telah berkembang dengan amat cepat di Malaysia. Bahasa itu berkembang daripada bahasa politik untuk menunjangi kekuatan dalam perjuangan anticolonialisme, dan sebagai pernyataan dan tekad bangsa Malaysia untuk hidup sebagai bangsa yang merdeka, menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang bahasa berjaya untuk menampung dan mengungkapkannya segala bidang kehidupan ekoran daripada kejayaan kerajaan melaksanakan bahasa itu sebagai bahasa

pengantar utama dalam sistem pendidikan dari peringkat rendah hinggalah ke institusi pengajian tinggi.

Bahasa Melayu telah berjaya menjadi bahasa komunikasi, bahasa perantara, bahasa pergaulan antara daerah, wilayah dan suku kaum, bahasa penting dalam sektor pentadbiran, pendidikan dan lain-lain. Dalam zaman pembinaan negara, misi raksasa pemimpin dan rakyat ialah usaha mendaulatkan bahasa Melayu dan membinanya sebagai bahasa ilmu, bahasa pentadbiran, bahasa persekolahan dan bahasa budaya tinggi yang mampu mendukung pengucapan struktur pemikiran moden dan canggih, selain sebagai bahasa supraetnik yang mengatasi garis ras untuk menyatukan pelbagai kaum di negara ini.

Kemajuan dan pembinaan bahasa Melayu berjaya mencapai taraf yang dinikmatinya kini kerana beberapa faktor. Pertama, faktor sosiopolitik yang memungkinkan pembangunan dalam semua bidang, termasuklah perancangan dan pelaksanaan bahasa rasmi. Kedua, azam dan tekad politik serta budaya yang dilaksanakan melalui pelbagai dasar dan strategi turut memastikan tahap perkembangan yang tersusun. Ketiga, sokongan daripada masyarakat umum terhadap aktiviti kebahasaan juga banyak membantu. Lagipun, sistem politik, ekonomi, sosial dan dimensi penggunaan bahasa Melayu selama ini telah memberikan dampak pada wibawa bahasa itu. Yang paling penting, kejayaan penggunaannya dalam sistem pendidikan negara.

Kita telah menyaksikan kejayaan dasar pendidikan negara

dan dasar bahasa kebangsaan apabila lulus universiti dan sistem pendidikan kita dapat menggunakan bahasa itu dengan fasih. Bahasa Melayu telah membuktikan keupayaan dan kejayaannya sebagai menjadi wahana untuk membina kehidupan nasional dan negara yang moden dan maju. Pelajar pelbagai kaum telah membuktikan bahawa dasar penggunaan bahasa itu tidak menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai kejayaan. Dari tahun 1990 hingga 1995, umpamanya, universiti awam telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utamanya, berjaya mengeluarkan 35 ribu siswazah dalam bidang sains dan teknologi. Sebanyak 55 peratus daripada mereka bumiputera dan 45 peratus bukan bumiputera.

Dengan menyedari peranan yang dapat dimainkan oleh bahasa Melayu sebagai alat penyatuan pelajar dan masyarakat pelbagai kaum, dengan budaya, kepercayaan, agama dan latar belakang yang berbeza, sistem pendidikan dalam bahasa itu telah berjaya melahirkan jutaan lulusan sekolah menengah dan ratusan ribu siswazah universiti. Dasar Pendidikan Kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar telah berjaya mencapai matlamatnya, iaitu menyatupadukan pelajar pelbagai kaum, sekali gus berjaya melahirkan rupa bangsa yang diingini. Dengan penggunaan bahasa Melayu sebagai pengantar sistem pendidikan, semakin banyak rakyat Malaysia dapat menguasai bahasa itu, terutamanya dalam kalangan generasi muda. Dikatakan lebih

daripada 80 peratus rakyat kita telah menguasainya.

Bahasa Melayu berjaya menjadi alat perpaduan dan meruntuhkan pelbagai tembok penghalang perpaduan. Kejayaan dasar tersebut penting dalam meletakkan asas kestabilan dalam kalangan rakyat berbilang keturunan. Kestabilan dalam semua sektor itu merupakan harga yang tidak dapat dinilai dari sudut kesejahteraan negara pada keseluruhannya.

Sejarah dunia telah membuktikan bahawa tiada bangsa di dunia dapat mencapai kejayaan dan tamadun tinggi melalui bahasa asing dan bahasa penjajah. Pengalaman Afrika, India, Sri Lanka, Jamaica dan Bangladesh yang menggunakan bahasa asing sebagai bahasa ilmu tentu dapat dijadikan iktibar. Negara tersebut gagal menyatukan rakyatnya dan gagal mencapai kemajuan yang diingini, berbanding dengan Jepun, Thailand, Korea dan Perancis yang menggunakan bahasa peribumi. Ketika kita ghairah menyahut cabaran globalisasi, kita seharusnya tidak alpa dan bersikap terlalu bergantung pada bahasa Inggeris atas alasan bahawa dengan bahasa itu sahaja kita dapat mencapai kemajuan.

Kita perlu menyedari hakikat bahawa keperkasaan budaya dan bangsa kita dapat dibina melalui bahasa Melayu kerana sesuatu bangsa akan maju seiring dengan kemajuan bahasanya. Keupayaan dan ketahanan bangsa dari segi intelektual, reka cipta dan budaya perlu digerakkan oleh golongan cendekiawan yang mengungkapkan diri dalam

bahasa peribumi. Lebih banyak buku perlu ditulis dan diterbitkan dalam bahasa Melayu, baik melalui terjemahan mahupun penulisan asli.

Amatlah berbahaya sekiranya bahasa ibunda atau bahasa kebangsaan dilihat oleh penggunanya sebagai tanda kemunduran atau sebagai penghalang kemajuan dan peningkatan status sosial mereka. Peluang yang seluas-luasnya perlu diberikan kepada bahasa Melayu untuk digunakan dalam pelbagai bidang agar tidak kelihatan dipinggirkan.

Kreativiti dan kebijaksanaan golongan cendekiawan mengungkapkan ilmu dan pengalaman dalam bahasa Melayulah yang akan menentukan kejayaan bangsa Malaysia pada masa yang akan datang. Golongan cendekiawan perlu membina tradisi intelektual yang mantap serta mentransformasikan pemikiran dan budaya bangsa secara menyeluruh, dengan meyakinkan bangsa kita bahawa bahasa Melayu mampu menjadi bahasa pengucapan intelektual dan bahasa ilmu, termasuklah bagi sains dan teknologi.

Aspirasi ini akan tercapai sekiranya ada dukungan pemimpin serta dasar dan falsafah pendidikan yang bergerak di atas landasan yang betul. Tugas menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa moden bukannya mudah kerana kita tidak mempunyai tradisi intelektual yang mantap, lebih-lebih lagi ketika berhadapan dengan cabaran dalaman sekarang, selain terabainya kejituan pemikiran dan penguasaan bahasa dan artikulasi intelektual.

Semua pihak perlu menggemblengkan tenaga dan usaha bagi membina keyakinan rakyat terhadap keupayaan dan peranan bahasa Melayu, terutama dari segi peranannya sebagai bahasa ilmu yang sudah terhakis. Bahasa Melayu berpotensi besar menjadi tunjang ilmu dan tunjang pemikiran bangsa yang bertamadun tinggi. Persoalannya, mampukah kita keluar daripada perangkap keborkan cendekiawan bangsa, dan seterusnya bangkit daripada dilema sekarang? Peranan golongan cendekiawan ini amat penting dalam memantapkan dan memperkaya laras bahasa keilmuan dan seterusnya memodenkan bahasa dan masyarakatnya.

Sepatutnya, golongan intelektual kita mengambil iktibar daripada pemikir, sarjana dan penyelidik Jepun, Korea, Taiwan, Perancis, malah Thailand dan Indonesia. Bahasa Jepun, umpamanya, hanya dapat berkembang dengan pesat dan dihormati sebagai bahasa moden kesan daripada usaha golongan cendekiawannya menjadikannya sebagai bahasa intelektual. Sarjananya mampu menggunakan bahasa Jepun dengan lebih canggih dan tepat dalam mengungkapkan persoalan dan perkara yang hendak disampaikan. Keserjanaan dari keilmuan mereka tidak pula kurang dan terjejas hanya kerana menggunakan bahasa kebangsaan masing-masing untuk mengungkapkan hasil penyelidikan dan menghasilkan karya, baik untuk jurnal, buku mahupun monograf dan terbitan lain. Ilmu mereka tidak pula kurang, malah kewibawaan mereka terserlah.

Sebagai masyarakat multietnik, masyarakat kita terbahagi-bahagi mengikut ideologi, kepercayaan, agama, bahasa dan seumpamanya. Dalam keadaan yang demikian, hanya bahasa Melayu yang akan dapat menjadi alat untuk menyatukan pelbagai suku kaum di negara ini.

Sebagai negara yang berdaulat dan merdeka, negara kita masih dalam perjalanan jauh dan berliku ke arah pembentukan jati diri dan keperibadian sebagai negara bangsa. Sebagai masyarakat multietnik, masyarakat kita terbahagi-bahagi mengikut ideologi, kepercayaan, agama, bahasa dan seumpamanya. Dalam keadaan yang demikian, hanya bahasa Melayu yang akan dapat menjadi alat untuk menyatukan pelbagai suku kaum di negara ini. Kita bimbang, penekanan yang melampau terhadap bahasa Inggeris akan menyebabkan kita tergelincir dari landasan perjuangan pemimpin terdahulu. Hal ini sudah begitu ketara, terutamanya di bandar dan kota utama di negara ini.

Dalam konteks globalisasi, ancaman bahasa Inggeris

terhadap bahasa Melayu bukan lagi khayalan tetapi kenyataan. Kini, sudah begitu banyak institusi pendidikan yang mengamalkan dasar berkembang menggunakan bahasa Inggeris seluruhnya kononnya sebagai strategi menjadikan negara ini pusat kecemerlangan ilmu. Tindakan demikian jelas bertentangan dengan Akta Pendidikan 1967 dan dasar menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tunggal di semua institusi pengajian tinggi.

Atas nama kecemerlangan pendidikanlah juga rang Undang-Undang Universiti dan Kolej Universiti (pindaan) 1995 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada tahun 1995. Rang undang-undang ini memberikan laluan mudah kepada institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) mengembangkan kampus dan operasinya di negara ini. Kini, dikatakan lebih daripada 600 buah IPTS telah beroperasi di negara ini dan semuanya menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.

Kita perlu menggunakan bahasa kita sendiri kerana bahasa bukan sekadar lambang, tetapi cerminan jati diri kita kerana sesungguhnya bahasa menunjukkan bangsa. Akhirnya, kemajuan bangsa bergantung pada acuannya sendiri, dan kemajuan bahasa Melayu juga bergantung pada sejauh mana bahasa itu digunakan dalam seluruh kehidupan di negara ini. Sesungguhnya, tidak ada bangsa dan tamadun di dunia ini yang dimajukan melalui bahasa asing, melainkan melalui bahasa ibunda, sesuai dengan slogan "Bahasa Jiwa Bangsa". DB